

11/05/1997

Dr Mahathir tegur media tempatan

Zainuddin Isa; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap media tempatan yang disifatkannya kurang menyokong kerajaan, sebaliknya memberi publisiti meluas seolah-olah menyebelahi Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, dalam kes menerbitkan risalah palsu dan menghasut orang ramai.

Menurut Presiden Umno, tindakan media tempatan menggambarkan seolah-olah kerajaan kurang adil dan tidak demokratik berhubung keputusan mahkamah ke atas Guan Eng yang didapati bersalah terhadap dua tuduhan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut.

Perdana Menteri berkata, beliau faham jika keadaan itu membabitkan media asing yang gemar menonjolkan keburukan negara, tetapi tidak dapat menerima hakikat media tempatan yang turut mengambil pendekatan sama.

"Saya hairan kenapa penilaian begini dibuat terhadap sesuatu tindakan yang ditetapkan oleh undang-undang negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Dr Mahathir turut membandingkan laporan media mengenai kes Umno diharamkan pada 1988 yang tidak menimbulkan reaksi kritikal terhadap kerajaan seperti apabila Guan Eng didapati bersalah.

Pada 28 April lalu Guan Eng didenda RM15,000 oleh Mahkamah Tinggi Melaka kerana didapati bersalah atas dua tuduhan membabitkan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut orang ramai.

Bagaimanapun, beliau memfailkan notis rayuan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Melaka kelmarin bagi mengetepikan keputusan itu, di samping meminta dikekalkan sebagai Ahli Parlimen kerana sudah mengemukakan notis rayuan dalam tempoh 14 hari.

Terdahulu, wartawan yang menghadiri sidang akhbar selepas mesyuarat MT, terkejut apabila Dr Mahathir berkata, DAP `diharamkan'.

Perdana Menteri yang sebenarnya ingin menilai reaksi media, kemudian menjelaskan yang beliau sedih kerana soal Guan Eng didenda mengikut undang-undang negara dianggap sebagai satu ketidakadilan oleh media tempatan.

"Soal pengharaman sebenarnya tak timbul. Tapi, jika benar, ia berlaku, media sudah tentu meletup. Saya juga percaya jika keadaan itu berlaku kepada Umno, media sebaliknya akan menganggap sebagai tidak apa.

"Situasi itu seperti menunjukkan pihak pembangkang mempunyai keistimewaan dan bebas melakukan apa saja sehinggakan tindakan undang-undang biasa pun tak boleh dikenakan kepada mereka. Saya kurang faham kenapa harus wujud sifat seperti ini," katanya.

Beliau berkata, tindakan media tempatan itu melambangkan seolah-olah pihak pembangkang mempunyai keistimewaan dan bebas melakukan apa saja sehingga tindakan undang-undang tidak boleh dikenakan terhadap mereka.

"Saya nak tahu sama ada ahli pembangkang mempunyai kekebalan terhadap undang-undang? Sultan kita sendiri pun tidak lagi kebal. Tapi, ahli pembangkang berpendapat apa yang mereka buat tidak boleh disentuh oleh mahkamah," katanya.

Mengenai kenyataannya yang kali pertama agak tegas terhadap Guan Eng, Dr Mahathir berkata: "Sebelum ini, anda semua tak pernah tanya saya. Saya ambil kesempatan di sini sebab perkara ini dibincangkan dalam MT."

(END)